

Ucaptive/ Amanat
Yang Berbahagia
Datuk Ir. Hj. Adanan Bin Mohamed Hussain
Ketua Pengarah, Kerja Raya Malaysia

MESYUARAT PEGAWAI KANAN
JABATAN KERJA RAYA (JKR) MALAYSIA
TAHUN 2016

24 MEI 2016 (SELASA), 11.30 PAGI
MENARA MATRADE, KUALA LUMPUR



Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan
Salam Sejahtera

Yang Berbahagia Dato' Ir. Hasnul bin Mohamad Salleh
Timbalan Ketua Pengarah Kerja Raya (Sektor Bangunan)

Yang Berbahagia Dato' Ir. Haji Mohd Fazli bin Osman
Timbalan Ketua Pengarah Kerja Raya (Sektor Pakar)

Yang Berbahagia Dato' Ir. Mohd Jamal bin Sulaiman
Pengarah Cawangan Dasar dan Pengurusan Korporat merangkap
Pengerusi Jawatankuasa Induk dan Pengelola Mesyuarat Pegawai
Kanan JKR Malaysia 2016

Pengarah-pengarah Kanan,
Pengarah-pengarah Cawangan,
Pengarah-pengarah Negeri ,
Pegawai-pegawai Kader,
Jurutera-jurutera Daerah; dan
hadirin yang dikasihi sekalian.

1. Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah SWT dengan izin dan rahmat-Nya, dapat kita kembali bersama-sama sekali lagi di Mesyuarat Pegawai Kanan (SOC), Jabatan Kerja Raya Malaysia Tahun 2016. Pada awalnya kita merancang untuk mengadakan mesyuarat ini di Kuantan, Pahang. Walaubagaimanapun di atas saranan pengubahsuaian bajet oleh kerajaan pada awal tahun ini dimana penganjuran mesyuarat di hotel tidak digalakkan, maka perubahan lokasi ini tidak dapat dielakkan. Namun begitu, **kita perlu bersyukur kerana walaupun berdepan dengan kekangan kewangan, kita masih berupaya untuk menganjurkan mesyuarat tahunan kali ini** di Dewan MATRADE, Kuala Lumpur yang tidak kurang juga hebatnya.

2. Terima kasih saya ucapkan kepada pihak Jawatankuasa Induk dan Pengelola SOC 2016, yang diterajui oleh Cawangan Dasar Dan Pengurusan Korporat yang telah bertungkus-lumus bekerja untuk menjayakan program ini. Alhamdulillah, walaupun hanya lebih kurang sebulan tempoh masa yang diberikan untuk membuat persediaan, pihak jawatankuasa **masih mampu menguruskannya dengan baik**. Di kesempatan ini juga, saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada seramai 660 warga JKR yang telah menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang, pada majlis yang telah diadakan di Pusat Konvensyen CIDB minggu lepas. Dengan pengiktirafan ini, adalah diharapkan ia menjadi **pendorong kepada seluruh warga JKR untuk terus memberikan perkhidmatan yang lebih baik** khususnya kepada jabatan dan kerajaan amnya.

Y.Bhg. Dato-dato, Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

140 YEARS OF PASSION – THE WAY FORWARD

3. Pada tahun ini, terdapat sedikit kelainan dan keunikan pada tema mesyuarat SOC. Tema mesyuarat adalah dalam Bahasa Inggeris iaitu **“140 Years of Passion, The Way Forward”**. Pada usia JKR selama 140 tahun, ia merupakan suatu **tempoh masa yang sangat lama bagi sesebuah organisasi untuk kekal berdiri kukuh dan terus relevan**. Kukuhnya sesebuah organisasi itu adalah berdasarkan kepada keupayaan yang teruji dan terus menjadi organisasi rujukan dalam bidang kepakarannya. JKR sehingga hari ini masih mampu berperanan sebagai agensi teknikal utama Kerajaan Malaysia untuk melaksanakan pembangunan infrastruktur dan prasarana utama negara, menguruskan aset dan sebagai penasihat teknikal kerajaan.

4. Sejak ditubuhkan pada 1872, iaitu semasa zaman pemerintahan British, sehinggalah ke era teknologi terkini yang mana semua maklumat hanya di hujung jari, sudah tidak terkira bilangan projek pembangunan yang telah dilaksanakan oleh JKR. Pada masa dahulu, **JKR terlibat secara langsung dalam perancangan dan pelaksanaan pembangunan negara**. Sebagai contoh, pembinaan Stadium Merdeka yang bermula pada tahun 1956 telah dapat disiapkan dalam tempoh setahun sahaja. Begitu juga dengan pembinaan Bangunan Parlimen dari 1962 hingga 1963, Masjid dan Tugu Negara, Empangan *Klang Gate* dan Jalan Raya Timur Barat daripada Grik, Perak ke Jeli, Kelantan yang mempunyai sejarahnya tersendiri, dan lain projek-projek ikonik dan berskala mega, adalah antaranya dilaksanakan secara *hands-on* oleh JKR.

5. Setiap projek bermula dengan sebuah impian dan harapan sehinggalah berakhir dengan realiti dan kenyataan. Bermula dari deraf konsep dan skop kerja, diikuti dengan lakaran kasar dan ilustrasi oleh arkitek, dan diterjemahkan kepada rekabentuk pembinaan yang berakhir sebagai sebuah struktur yang siap untuk digunakan, **secara keseluruhannya dilaksanakan sendiri oleh JKR**. Selain itu, **JKR dipandang tinggi sebagai penasihat** teknikal dengan mempunyai wakil dalam jawatankuasa-jawatankuasa penting di peringkat kebangsaan dan negara.

6. Masa berlalu pantas, dan cabaran serta harapan kepada JKR berubah disebabkan kepesatan pembangunan, kepelbagaian keperluan, dan bajet yang jauh lebih besar. Peningkatan peranan pihak swasta dalam industri pembinaan juga memerlukan corak pengurusan pembangunan yang baru, contohnya dengan kerjasama strategik bersama pihak swasta untuk pembangunan negara. **JKR perlu terus berubah dan mengadaptasi kepada keadaan semasa** untuk terus meneraju sebagai pemegang amanah kerajaan agar segala pelaburannya memberikan impak optima kepada rakyat. *Passion* yang telah mengharumkan nama JKR lebih 140 tahun, perlu diteruskan kepada cara kerja kita sekarang, menongkah arus menerajui zaman dengan pendekatan yang kreatif dan berinovasi, tetapi tetap memelihara alam sekitar serta cekap tenaga.

7. Kita tidak boleh lagi leka dalam kejayaan semalam. Sejak kebelakangan ini, imej JKR telah tercalar hebat akibat beberapa isu yang menimbulkan ketidakpuasan hati rakyat.

Ini dapat dilihat melalui persepsi negatif yang terpapar di dada akhbar, di kaca televisyen dan viral media sosial, akibat dari kelemahan kita di dalam pelaksanaan beberapa projek popular serta pengurusan penyelenggaraan fasiliti. Kritikan-kritikan seumpama ini secara perlahan telah **menenggelamkan kredibiliti JKR**, sehingga timbul usaha mewujudkan agensi pelaksana kerajaan lain untuk bersaing dengan JKR. Kita juga telah dipinggirkan daripada melaksanakan projek-projek mega dan bertaraf antarabangsa.

8. Justeru, marilah kita berganding bahu, saling menyokong dan sealiran melangkah, untuk memastikan kewujudan JKR yang sudah melebihi 100 tahun ini, terus utuh dan disegani. **Faktor kejayaan masa lalu seharusnya dikaji, dan dijadikan batu aras** untuk mengenalpasti kelemahan kita masa kini. Ini adalah perlu bagi memastikan JKR kekal relevan, serta dapat membangkitkan semula semangat dan *passion* warga untuk memacu jabatan ke arah kecemerlangan berterusan.

9. Dalam mencapai aspirasi ini, JKR seharusnya melakukan anjakan paradigma, dengan **memberi nilai tambah dalam aspek khidmat nasihat teknikal, pengurusan projek dan penyelenggaraan infrastruktur kerajaan**. Contohnya "*design creativity*", yang mana tidak hanya fokus kepada rekabentuk piawai sesebuah bangunan kerajaan, tetapi diberikan nilai tambah, berdasarkan kepada kapasiti ruang tanah, fungsi bangunan dan nilai estetik yang menambat hati pelanggan. Ini akan memberikan kesan positif dari aspek mengoptimalkan belanja pembinaan dan kebolehsenggaraan. Juga untuk memastikan pusingan hayat rekabentuk tercapai sepenuhnya. Amalan merekabentuk struktur yang kompleks perlu digalakkan dan diberi penekanan supaya kompetensi perekabentuk bertambah baik.

10. Jika kita lihat kepada syarikat-syarikat gergasi yang menguasai ekonomi dunia seperti Sony, Apple, Exxon Mobil dan Ford, kita akan dapati bahawa setiap organisasi tersebut **sangat menitikberatkan inovasi**. Inovasi adalah satu inisiatif yang sangat ditekankan oleh syarikat-syarikat seperti ini untuk kekal bersaing di pasaran global yang sangat kompetitif. Mereka sentiasa **seiring dengan perkembangan teknologi semasa** dan sangat sensitif kepada keperluan pelanggan. Dalam masa yang sama, **budaya “Keep Moving Forward” sentiasa menjadi keutamaan**. Budaya sebeginilah yang perlu kita terapkan di dalam organisasi kita untuk terus kekal relevan sebagai organisasi kepercayaan kerajaan. Belajarlah dari kegagalan Syarikat Kodak yang pernah menguasai 85% pasaran dunia di dalam industri kertas foto tetapi kini menjadi bankrap kerana **kegagalan berubah mengikut keperluan pasaran**.

Hadirin sekalian,

PENCAPAIAN RANCANGAN MALAYSIA KE SEPULUH (RMK-10)

11. Jika dilihat pada statistik projek yang dikendalikan oleh JKR mulai tahun 2009 hingga 2014 pula, 31 daripada 47 projek yang telah diaudit, didapati 65% projek lewat disiapkan dengan lanjutan masa di antara 87 hingga 754 hari. Manakala 46 daripada 47 projek, atau 97% mempunyai isu kerja tidak mengikut spesifikasi, kualiti kerja yang tidak memuaskan, atau pun pemantauan yang kurang memuaskan. **Ini perlu menjadi wake up call kepada kita semua.**

12. Ini amatlah membimbangkan, dan memberi **petunjuk agar satu perubahan yang radikal dan drastik wajar dibuat**. Kesilapan dan kelemahan dalam pengurusan dokumen projek, keputusan yang tidak tepat dan pengurus projek tidak turun padang dikenalpasti sebagai faktor utama kegagalan berlaku.

13. Dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe10), JKR telah menerima peruntukan sebanyak RM31.257 bilion daripada Kementerian Pelanggan bagi melaksanakan lebih kurang 5,500 projek. Daripada jumlah peruntukan tersebut, JKR telah membelanjakan sebanyak RM30.939 bilion (98.9%) bagi menyiapkan 4,765 projek.

14. Jika dibanding dengan Rancangan Malaysia sebelumnya, **beban kewangan JKR telah berkurangan sebanyak 40%** daripada RM50 bilion dalam RMKe9 kepada RM31 bilion didalam RMKe10. Manakala projek fizikal juga telah berkurangan sebanyak 60% daripada 6,126 projek didalam RMKe9 kepada hanya 4,688 projek didalam RMKe10. Dengan pengurangan beban projek, seharusnya kegagalan projek juga berkurangan. Tetapi perkara yang berlaku adalah sebaliknya. Mengapa situasi ini boleh berlaku?

15. Kegagalan projek disiapkan atas faktor kelewatan dan permasalahan yang disebabkan oleh kontraktor telah menyebabkan kos bertambah dan impak kepada pengguna (end user). Ini perkara yang kita perlu kaji dan **menilai kemampuan kita dalam menguruskan kewangan dan pengurusan projek**. Sebagai contoh, akibat kualiti pembinaan yang kurang sempurna, kerajaan terpaksa membelanjakan kos tambahan sebanyak RM35 juta untuk kerja-kerja pembaikan di Hospital Serdang.

16. Saya berharap agar tindakan segera diambil untuk menangani isu-isu seumpama ini. Merujuk kepada sistem SKALA, **1/3 daripada keseluruhan projek JKR adalah projek sakit**. Isu seperti ini tidak sepatutnya terjadi. Pemantauan projek secara berkala perlu ditambah baik bagi mengesan awal kelemahan yang berlaku, dan segera mengatasinya dalam memastikan pelaksanaan projek berjalan lancar.

17. Berdasarkan kepada nisbah jumlah kakitangan profesional kepada jumlah projek yang dilaksanakan, seharusnya isu pemantauan sepatutnya bukan faktor yang menyumbang kepada kegagalan kita untuk menyiapkan projek dalam tempoh yang ditetapkan. Ini adalah kerana jabatan mempunyai 3800 kakitangan pengurusan dan profesional (P&P) manakala projek dalam pembinaan hanyalah sebanyak 300 projek. Kita perlu melihat kepada **ketirisan pembahagian sumber manusia** kerana kita sering mendapat aduan kekurangan tenaga pelaksana di tapak, **sedangkan nisbah kakitangan profesional dengan bilangan projek kini adalah lebih baik dari dahulu**.

18. Kejayaan jabatan untuk melaksanakan projek-projek di bawah pemantauan JKR juga adalah **bergantung kepada kecekapan dan kredibiliti kontraktor yang dilantik**. Justeru itu, sekiranya kontraktor yang dilantik tidak komited dan berterusan bermasalah, tindakan drastik hendaklah diambil dengan menamatkan kontrak mereka tanpa memberikan terlalu banyak peluang. Ini akan memberikan isyarat bahawa **JKR sekarang 'means business' dan bukan lagi agensi pelindung dan pelatih kepada kontraktor-kontraktor yang lemah**. Hanya kontraktor yang *committed* di dalam kerja mereka yang mendapat tempat sebagai rakan kerja JKR untuk menyiapkan projek.

Walaupun bagaimanapun, jika kontrak perlu ditamatkan, SST baru perlu dikeluarkan dalam tempoh empat (4) bulan selepas penamatan. Ini merupakan janji JKR dalam Mesyuarat JPPN dan Majlis Tindakan Negara.

Hadirin sekalian,

MENDEPANI RANCANGAN MALAYSIA KE SEBELAS (RMK-11)

19. Dalam tempoh 4 tahun akan datang, kita akan memasuki tahun 2020 yang merupakan sasaran kerajaan untuk menjadi Negara Maju dan berpendapatan tinggi. Pembentangan Rancangan Malaysia Ke-11 (RMKe-11) oleh YAB Perdana Menteri pada akhir tahun 2015 merupakan rangka strategik terperinci bagi memastikan aspirasi Negara tercapai.

20. **Jangka masa 5 tahun (2016-2020) ini dilihat sebagai satu tempoh yang amat kritikal dan mencabar bagi kita semua.** Dalam RMKe-11, JKR telah menerima peruntukan sebanyak RM2.751 bilion daripada Kementerian Pelanggan bagi melaksanakan sejumlah 868 projek. Sebanyak RM2.467 bilion adalah merupakan peruntukan pembangunan dan baki sebanyak RM283 juta adalah daripada sumber peruntukan bukan pembangunan seperti *Private Financing Initiative* (PFI), Akaun Amanah dan Badan-badan Berkanun. Daripada jumlah RM2.751 bilion yang diperuntukkan tersebut, JKR telah membelanjakan sebanyak RM1.228 bilion (45%) bagi jumlah keseluruhan peruntukan.

Sebanyak 53 projek (6%) telah disiapkan. Manakala 358 projek (41%) sedang dalam pembinaan. Seterusnya baki 457 projek (53%) sedang dalam peringkat pra-pembinaan.

21. Untuk makluman para hadirin, Majlis Penyerahan SST untuk projek-projek dibawah RMK-11 telah dilaksanakan sebanyak 3 kali setakat ini pada tahun ini. Sebanyak 78 projek telah diserahkan dalam majlis tersebut. Inisiatif mengadakan majlis seumpama ini adalah untuk menunjukkan betapa KKR dan JKR proaktif dalam pelaksanaan RMK-11, serta mengambil peluang untuk menyampaikan amanat dan hasrat kerajaan kepada kontraktor yang berjaya.

22. Pada RMKe-11 ini, Kerajaan telah menetapkan dua KPI khusus kepada agensi pelaksana seperti JKR, iaitu **95% peruntukan pembangunan dibelanja** dan **90% projek yang dilaksana disiap mengikut tempoh, kos, dan kualiti yang ditetapkan**. KPI ini merupakan salah satu strategi kerajaan mentransformasi perkhidmatan bagi meningkatkan produktiviti untuk memastikan teras-teras RMKe-11 dicapai. KPI ini merupakan tanda aras bagi JKR untuk **membuktikan kita masih relevan** dan menjadikan ia sebagai cabaran yang perlu dicapai oleh semua kakitangan JKR.

23. Kementerian Kerja Raya melalui Jabatan Kerja Raya telah diberi kepercayaan untuk menggalas tanggungjawab besar bagi melaksanakan projek-projek berkepentingan nasional, contohnya Projek Lebuhraya Pan Borneo, Projek *Central Spine Road* (CSR), Lebuhraya Kota Bahru-Kuala Krai, Projek Lebuhraya Pantai Barat dan pembinaan rangkaian jalan di dalam Kompleks Petroleum Bersepadu Pengerang serta Jambatan Sungai Batang Lupar, Sarawak.

Impak dan kesan positif daripada projek-projek ini memberikan peningkatan ekonomi kepada masyarakat setempat serta dapat membantu meningkatkan taraf hidup rakyat. Penglibatan kita dalam projek-projek berskala besar ini merupakan satu pengiktirafan kepada jabatan. Oleh yang demikian, lakukanlah yang terbaik dan terapkan nilai *sense of ownership* dalam setiap pelaksanaan projek.

Hadirin-hadirat sekalian,

INISIATIF STRATEGIK JKR DALAM RMK-11

24. Bagi memastikan JKR dapat memainkan peranan yang lebih berkesan dalam pelaksanaan RMKe-11, serta menyokong teras yang dirancang oleh kerajaan, JKR telah mengenalpasti beberapa inisiatif strategik dengan mewujudkan Pelan Operasi JKR di dalam RMKe-11. Pelan ini melibatkan lima (5) inisiatif utama, iaitu;

- i) **Pemantauan Projek;** yang ditambah baik melalui tadbir urus pelaksanaan projek yang berkesan.

- ii) **Libaturus stakeholder;** yang akan ditingkatkan melalui *project joint council*. Keputusan bersama akan dibuat di antara JKR dan pengurusan peringkat tertinggi kementerian pelanggan.

- iii) **Penggunaan Pre Approved Plan (PAP);** melalui penyediaan katalog reka bentuk PAP yang boleh diakses di portal JKR oleh semua kementerian pelanggan.

- iv) **Menambah baik proses kerja**; melalui kajian semula proses pelaksanaan dan memfokuskan kepada penerapan **amalan terbaik** dalam pengurusan projek. Penilaian **kontraktor** juga akan ditambahbaik berdasarkan kompetensi, prestasi yang tinggi dan kemampuan kewangan. Keperluan ***Safety and Health juga akan disyaratkan*** dalam kontrak jabatan. ***Penekanan juga diberikan kepada Knowledge based decision making.*** Seterusnya, **Dokumentasi Lessons Learned**, perlu menjadi pembudayaan semula JKR di dalam era maklumat masakini. Pelaksanaan juga melibatkan beberapa **program kelestarian dalam projek, dan yang terakhir sekali**;
- v) **Pengurusan sumber manusia yang lebih seimbang, dan adil, serta pembangunan kompetensi yang berdaya saing.**

Hadirin sekalian,

PELAN TRANSFORMASI JABATAN

25. Seajar dengan Kerangka Transformasi Perkhidmatan Awam (KTPA) oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Jabatan Kerja Raya Malaysia telah merangka sebuah Pelan Transformasi di peringkat jabatan. Pelan Transformasi ini adalah bermatlamatkan **perkhidmatan awam yang berprestasi tinggi, berintegriti, dinamik dan berjiwa rakyat.**

Kerangka Transformasi Perkhidmatan Awam (KTPA) telah menggariskan lima (5) teras strategik utama dalam usaha untuk menghasilkan lima (5) keberhasilan strategik bagi mendokong agenda transformasi negara; iaitu (1) mendaya upaya bakat, (2) merekayasa organisasi, (3) merakyatkan penyampaian perkhidmatan, (4) merangkum dan sepunya, (5) membudaya nilai.

26. Melalui teras strategik ini, sebanyak 15 inisiatif strategik telah dirangka sebagai intipati kepada Pelan Transformasi JKR yang selari dengan Pelan Strategik JKR 2016-2020, iaitu:

- i. Memperkukuhkan polisi dan pelan strategik untuk membangun, menarik dan mengekalkan bakat melalui **Competency Based Assessment System (CBAS)**;
- ii. Menggalakkan penimbaan, penjanaaan ilmu dan kemahiran berterusan dalam pelbagai bidang menerusi pelaksanaan **Subject Matter Expert (SME)**;
- iii. Mengukuh keupayaan, kewibawaan dan kemahiran warga JKR di semua peringkat melalui **Program Pembangunan Pusat Kecemerlangan Teknikal Negara (CREaTE)**;
- iv. Merangsang warga JKR supaya lebih bermotivasi, berdedikasi dan komited terhadap keperluan pelanggan melalui **Customer Centric Programme**;
- v. Memperkembang perkhidmatan atas talian melalui aplikasi ICT yang lebih meluas dengan sistem **Enterprise Content Knowledge Management (ECKM)**;
- vi. Memperkukuh Pengurusan Aset menyeluruh melalui pelaksanaan **Pengurusan Aset Menyeluruh (PAM)**;

- vii. Memantapkan proses rekabentuk projek kerajaan bagi memberi pulangan nilai untuk wang (*value for money*) melalui **Value Engineering**;
- viii. Memperkasa dan memperluaskan inovasi JKR supaya sejajar dengan inisiatif transformasi melalui **Program Inovasi**;
Menyediakan sistem perkhidmatan awam yang berinovasi tinggi dan kreatif dengan pelaksanaan
- ix. **Industrialised Building System (IBS)**,
- x. **Building Information Modelling (BIM)**, dan
- xi. **Pre-Approved Plan (PAP)**;
- xii. Melaksanakan pemantauan secara berterusan terhadap keberkesanan penyampaian projek kerajaan melalui **Penubuhan Pasukan Projek Persekutuan (Negeri)**;
- xiii. Meningkatkan konsultasi dengan pelbagai pihak dalam perancangan dan pelaksanaan projek melalui penekanan **Stakeholder Engagement**;
- xiv. Menambahbaik mekanisme perolehan kerajaan melalui pelaksanaan **J-Nilai**; serta
- xv. Meningkatkan lagi akauntabiliti dan integriti dalam penyampaian perkhidmatan awam melalui pelaksanaan **Pelan Integriti Organisasi (PIO) JKR**.

27. Rumusan terhadap hasil bengkel inisiatif strategik JKR akan dibentangkan pada hari esok. Semoga segala hasrat dan matlamat jabatan ke arah organisasi berprestasi tinggi, berintegriti, dinamik dan berjiwa rakyat ini akan **tercapai untuk kekal *passionate* dalam menggalas cabaran.**

Y.Bhg. Dato'-dato', tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati,

SKIM PENARAFAN HIJAU PH JKR

28. Untuk makluman semua, RMK-11 yang berpaksikan 6 teras strategik telah menggariskan pelaksanaan pertumbuhan hijau. Ia akan menjadi anjakan penting ke arah **melestari, dan seterusnya melindungi hasil pembangunan negara untuk kesejahteraan generasi akan datang.** JKR selaku pelaksana penarafan hijau perlu terus memastikan keberkesanan dan pengukuhan pelaksanaan Skim Penarafan Hijau (Ph JKR). Ini adalah sebagai **medium untuk mengukur tahap kelestarian sesebuah pembangunan** yang dilaksanakan. Skim ini adalah tidak terhad kepada projek-projek bangunan kerajaan sahaja, malahan turut melibatkan projek-projek jalan.

29. Sehingga hari ini, selepas 3 tahun Ph JKR dilancarkan pada 2012, sebanyak **48 projek telah berdaftar untuk diukur tahap kelestariannya.** Daripada jumlah tersebut, 42 projek adalah projek-projek bangunan baru bukan kediaman, manakala 2 projek adalah daripada kategori bangunan bukan kediaman sedia ada. Empat projek yang lain adalah masing-masing 3 projek Jalan Persekutuan baru dan 1 projek menaiktaraf jalan sedia ada.

30. Saya berharap penarafan hijau akan dapat **dikembangkan lagi kepada semua projek-projek JKR mengikut kesesuaian.**

Penglibatan aktif daripada pasukan projek harus ditekankan supaya skim penarafan ini dapat digunapakai dengan lebih meluas seterusnya membantu menyelamatkan persekitaran dunia yang semakin merosot kelestariannya, sejajar dengan **peranan kita sebagai khalifah Allah di muka bumi.**

31. Di samping pelaksanaan penarafan hijau JKR, Skim Penarafan Hijau MYCREST juga telah dibangunkan hasil gabungan inisiatif JKR dan CIDB. Ia adalah satu skim yang perlu digalakkan untuk diguna pakai bagi mengukur tahap kelestarian projek-projek bangunan dan jalan, yang mana menerapkan bonus untuk kadar pelepasan karbon di akhir penilaiannya.

Tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati,

PROGRAM TRANSFORMASI INDUSTRI PEMBINAAN (CITP)

32. Program Transformasi Industri Pembinaan (CITP) yang telah dilancarkan pada tahun lepas, akan dilaksanakan bagi tempoh 2016-2020. CITP menasaskan transformasi industri pembinaan ke peringkat yang lebih profesional dan berdaya saing.

33. Penggunaan teknologi maju seperti Building Information Modeling (BIM) dan Industrialized Building System (IBS) dalam sektor pembinaan secara meluas merupakan, salah satu aktiviti yang digariskan dalam Construction Industry Transformation Programme (CITP). Pada tahun ini, aplikasi BIM banyak ditumpukan dalam projek-projek hospital.

Projek perintis BIM yang telah dilaksanakan secara *in-house* contohnya, blok akademik SMK Meru Raya, SPRM Selangor, Klinik Kesihatan Maran dan Kolej Mara Banting seharusnya menjadi *lesson learned* kepada pelaksanaan BIM.

34. Usaha membudayakan BIM dalam pelaksanaan projek-projek jabatan harus dibuat berterusan agar kita tidak ketinggalan dalam aplikasi ini. Ini kerana BIM sentiasa berkembang dari masa ke semasa dalam industri pembinaan dan pengurusan aset. Aplikasi BIM kini telah diperluaskan kepada projek-projek yang kompleks dan memerlukan koordinasi rekabentuk yang tinggi. Oleh itu, saya menyeru supaya semua warga kerja JKR bersedia (*readiness*) dalam pelaksanaan BIM ini.

HARI TEKNIKAL JABATAN KERJA RAYA (JKR)

35. Penganjuran Hari Teknikal Jabatan Kerja Raya Tahun 2016 yang julung kalinya akan diadakan pada penghujung tahun ini. Ia akan focus kepada **menghebahkan peranan teknikal dan kejuruteraan dalam pembangunan negara**. Program tersebut bakal memuatkan empat (4) pembentangan kertas kerja dan pameran, beserta penyampaian Anugerah Tokoh JKR. Antara jemputan sempena program ini terdiri daripada kementerian-kementerian, jabatan - jabatan, syarikat GLC dan Institut Pengajian Tinggi Awam dan Swasta.

36. Semoga program ini, akan dapat memberi **impak positif kepada JKR serta rakan-rakan agensi teknikal yang lain**, dari segi peningkatan imej serta kesedaran awam secara amnya.

Hadirin sekalian yang saya hormati,

PUSAT KECEMERLANGAN KEJURUTERAAN DAN TEKNOLOGI JKR (CREaTE)

37. Sebagai keluarga JKR, saya yakin tuan-tuan dan puan-puan sudah maklum akan kewujudan Pusat Kecemerlangan Kejuruteraan dan Teknologi JKR, atau Centre of Excellence For Engineering and Technology (CREaTE) di Alor Gajah, Melaka, yang dalam peringkat akhir pembinaan. CREaTE diwujudkan bukan sahaja berperanan sebagai pusat latihan dan pembelajaran, tetapi turut memainkan peranan penting sebagai **pusat kecemerlangan teknologi bagi pensijilan dan akreditasi kejuruteraan, pusat penyelidikan (R&D) kejuruteraan dan pembangunan inovasi**, serta menyediakan makmal-makmal kejuruteraan. Pusat kecemerlangan ini turut bertanggungjawab dalam **merancang, mengurus dan melaksanakan latihan dan pembangunan** warga JKR.

38. CREaTE dijangka diserahkan pada bulan Ogos 2016. Saya mengharapkan dengan adanya institusi latihan dan penyelidikan kita sendiri, maka kita akan dapat **menyediakan latihan dan penyelidikan dengan lebih efisien dan tersusun**. Ini adalah selaras dengan misi kita untuk diiktiraf sebagai pusat kecemerlangan rujukan teknikal negara. Saya juga berharap, pusat latihan ini akan **memainkan peranannya jauh lebih baik daripada IKRAM** ketika zaman di bawah JKR dahulu.

39. Untuk makluman semua, Ketua Setiausaha Negara turut prihatin akan penubuhan pusat ini dengan mengadakan lawatan kerja ke tapak projek pada bulan Februari yang lalu. Beliau telah menyarankan supaya CREaTE dapat menjalankan **kajian dan kerjasama dengan pusat latihan sedia ada** bagi menyelaraskan peranan dan keperluan ruang latihan seperti;

- i. **Menjalinkan kolaborasi** dengan *'Harvard School of Business'* untuk menghasilkan *'rating tools'* bagi tujuan *'sustainability development'*;
- ii. **Kursus Program Pensijilan Pengurusan Projek Bersepadu** yang ketika ini dikendalikan oleh pihak INTAN dilaksanakan oleh CREaTE; dan
- iii. Mengadakan perbincangan lanjut bersama pihak Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KETTHA) berhubung isu **mewujudkan Akademi Air** di CREaTE.

40. Apa yang disarankan oleh Tan Sri KSN merupakan satu langkah bagi **meningkatkan mutu dan fungsi CREaTE untuk kepentingan kerajaan**. Dalam masa yang sama juga, saya ingin menyarankan agar kita berusaha menjalin **kerjasama dengan beberapa institusi teknikal terkenal antarabangsa**. Antara institusi yang mungkin boleh dijadikan sandaran untuk kolaborasi strategik ialah; The Building Research Establishment (BRE), United Kingdom, Australia Road Research Board (ARRB) dan Transportation Research Board (TRB), USA.

41. Mungkin ia agak sukar direalisasikan, tetapi ia boleh dilakukan sekiranya kita yakin pada kemampuan sendiri. Kita seharusnya tidak bergantung sepenuhnya dengan Institusi Pengajian Tinggi sahaja dalam membangunkan teknologi dan perkembangan terkini dalam sektor pembinaan negara, tetapi perlu maju melangkah ke depan daripada mereka, **kerana kita adalah *frontliner* dalam sektor ini. We have to be the game changer, instead of follower.**

Hadirin yang dihormati sekalian,

KEPAKARAN DAN PROFESIONALISME

42. Dalam tempoh 5 tahun mendatang, hampir kesemua pegawai pengurusan tertinggi dan di grad 54, akan bersara wajib termasuklah diri saya sendiri. Dengan ini, kita bakal kehilangan ramai pegawai yang berpengalaman dan mempunyai kepakaran tersendiri. Di samping itu, hampir separuh daripada jumlah tersebut, bertaraf profesional samada jurutera, arkitek atau juruukur bahan. Realitinya, kehilangan ramai pakar dan profesional ini yang merupakan tulang belakang kepada JKR, akan memberi impak besar dan menjadi isu yang kritikal dan ianya perlu ditangani segera agar jabatan kita dapat sentiasa relevan, sebagai sebuah jabatan teknikal yang unggul dan profesional.

43. Walaupun usaha mempromosikan betapa pentingnya untuk pegawai-pegawai memperolehi pentauliahan profesional giat dilakukan, namun masih ramai yang masih enggan untuk berusaha memperolehi pentauliahan tersebut.

44. Berdasarkan statistik, peratusan pegawai JKR yang bertauliah profesional hanyalah 17% sahaja. Oleh itu, saya amat berharap perkara ini diberi perhatian serius oleh semua pihak bagi meningkatkan tenaga profesional yang bertauliah terutama bagi pegawai di gred 52 dan 48. Untuk makluman, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 tahun 2016, “RASIONALISASI SKIM PERKHIDMATAN” juga menetapkan agar, pegawai yang bertaraf profesional diberi keutamaan bagi kenaikan pangkat ke gred 52 dan 54.

45. Peningkatan 3% pegawai yang bertauliah profesional bagi semua disiplin untuk gred 48 dan ke atas telah ditetapkan sebagai salah satu KPI KPKR. Jabatan telah mengeluarkan Surat Arahan KPKR yang menetapkan bahawa, KPI ini turut menjadi KPI setiap pengarah dan ketua disiplin. Oleh itu, kita berharap dengan penetapan ini, ia menjadi titik tolak kepada semua untuk memberi perhatian khusus kepada isu profesionalisme pegawai JKR.

46. Selain itu, sebagai jabatan teknikal, JKR diberi peluang dan kepercayaan sebagai jabatan rintis bagi pelaksanaan laluan kerjaya sebagai *Subject Matter Expert* (SME). Dasar Kemajuan Kerjaya SME diperkenalkan untuk mengiktiraf kepakaran pegawai melalui peningkatan kerjaya, menarik dan mengekalkan kepakaran pegawai, membangunkan kepakaran yang diperlukan oleh jabatan, serta sebagai proses pengajaran dan pembelajaran yang berterusan. Melalui skim ini, pegawai berpeluang untuk kenaikan pangkat secara *fast track*, iaitu Khas Untuk Penyandang (KUP) bermula dari gred 48 hingga ke JUSA C.

47. Untuk makluman juga, sehingga Februari 2016, seramai 492 pegawai JKR telah dinaik pangkat ke gred 44, 48, 52, 54 dan JUSA C. Seramai 214 pegawai lantikan baru gred J41 yang meliputi semua disiplin telah dilantik bagi mengisi kekosongan apabila berlakunya kenaikan pangkat di gred 44.

48. Dengan perkembangan ini, saya melihat bahawa aspek **kompetensi teknikal pegawai masih perlu dipertingkatkan lagi**, disamping kewajipan setiap pegawai untuk berusaha menambah ilmu pengetahuan berkaitan bidang kerja. **Setiap kontrak, spesifikasi dan pekeliling berkaitan perlu dibaca, diteliti dan diperhalusi bagi memastikan keputusan yang dibuat adalah tepat dan wajar**, serta tidak dipertikaikan oleh mana-mana pihak. Pegawai-pegawai *senior* sewajarnya memainkan peranan penting, dalam **memberi tunjuk ajar dan membentuk pelapis baru** yang pakar dan berkemahiran dalam sesuatu bidang yang diterokai secara *coaching and mentoring*.\

Hadirin sekalian,

CUSTOMER CENTRIC PROGRAMME

49. Apabila kita memperkatakan mengenai *customer centric*, maka pastinya ia berkait rapat dengan orang awam. Pada tahun 2012, Ketua Setiausaha Negara telah memperkenalkan konsep “Merakyatkan Perkhidmatan Awam”. Konsep ini amat ringkas, mudah difahami dan jelas di mana ia menggambarkan *‘priority for the people’*. Kita sebagai penjawat awam juga merupakan sebahagian daripada rakyat.

Maka, kita sewajarnya menyediakan perkhidmatan terbaik kepada rakyat, sepertimana kita mengharapkan perkhidmatan yang cemerlang daripada orang lain. Justeru, **sistem penyampaian kita mestilah menepati dan melangkaui ekspektasi pelanggan. *We must put ourselves in the shoes of public.***

50. Kini, sektor perkhidmatan awam menjadi semakin mencabar, di mana pelanggan mengukur tahap perkhidmatan berdasarkan masa. Sebagai contoh, proses mendapatkan pasport yang dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen telah ditambah baik, yang kini hanya memerlukan 1 jam sahaja untuk disiapkan. Oleh itu, **projek-projek yang dilaksanakan wajib disiapkan mengikut tempoh masa, kos dan kualiti yang telah ditetapkan.** Jika berlaku kelewatan projek, kesannya tidak hanya refleks kepada kita sahaja, malahan menyebabkan urusan kerja pelanggan kita turut tergendala. Sebagai pengurus projek, kita perlu bertegas dengan pihak kontraktor seandainya terdapat perkara yang tidak mematuhi SOP jabatan.

51. Perlu diingatkan juga, dalam era media sosial berkembang pantas ini, segala maklumat hanya di hujung jari sahaja. Penggunaan media sosial jangan dilihat dari sudut negatif semata-mata, kerana terdapat banyak kelebihan yang perlu dimanfaatkan oleh jabatan. Segala bentuk program, usaha dan inisiatif yang dilaksanakan oleh jabatan seharusnya dihebahkan melalui media sosial dengan pantas. Rakyat perlu mendapat maklumat yang sebenar daripada kita sendiri, dan bukan dari sumber-sumber yang kabur dan tidak betul. Ini akan mendekatkan kita dengan rakyat di era baru ini, sebagaimana kita pernah menjadi kesayangan rakyat pada masa dahulu.

Untuk itu, CDPK telah menubuhkan Jawatan Kuasa Mempromosi JKR, di mana wakil bagi setiap cawangan Ibu Pejabat JKR telah dilantik bagi membangun dan menyediakan bahan-bahan promosi berunsur produk dan perkhidmatan dari cawangan berkenaan. Kita juga perlu **pantas bergerak dan melengkapkan diri dengan kemahiran dan pengetahuan** berkaitan media sosial agar tidak ketinggalan dan tercicir menjadi histori.

52. Selain itu, sebarang maklum balas dan kritikan yang ditujukan kepada kita juga hendaklah diambil tindakan, atau dijawab dengan pantas agar pengadu merasa dihargai. *Refresher Course* Pengurusan Aduan sedang giat dilaksanakan untuk pegawai-pegawai aduan Negeri dan Daerah, bagi memantapkan lagi kecekapan mengendalikan aduan awam.

53. Usaha mempergiat promosi berkaitan pelaksanaan projek, program serta maklumat dari aspek teknikal kepada masyarakat awam harus ditingkatkan. Dunia kini memerlukan kita untuk **bersikap extrovert, dan yakin menonjolkan diri** bagi memberi gambaran positif setiap perkara yang dilaksanakan. Alhamdulillah, kempen *zero pothole* yang telah mencapai separuh tahun pelaksanaan, bukan sahaja membuahkan hasil memberangsangkan, tetapi dengan promosi kerja penyenggaraan jalan yang berterusan, telah **membantu mengubah persepsi awam terhadap jabatan**. Kejayaan ini merupakan hasil usaha bersama JKR ibu pejabat, Negeri dan Daerah. Syabas dan terima kasih saya ucapkan. Saya difahamkan bahawa DBKL bakal mengikuti langkah kita dalam melaksanakan kempen seperti *zero pothole*.

Hadirin sekalian,

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA

54. Teguran audit terhadap jabatan sama ada daripada Jabatan Audit Negara (JAN) atau Unit Audit Dalam, Kementerian Kerja Raya telah bertambah saban tahun. Antara isu-isu yang diberi teguran ialah **prestasi fizikal projek, prestasi kewangan dan pengurusan pembinaan**, merangkumi kaedah perolehan, pentadbiran kontrak, rekabentuk dan kualiti pembinaan dan pemantauan. Jawapan maklum balas jabatan kepada isu yang dibangkitkan dalam penemuan Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) oleh JAN perlu disediakan oleh jabatan dalam tempoh yang ditetapkan, sepertimana Arahan Perbendaharaan 306 (AP306). Untuk makluman, hasil kajian teguran audit oleh CDPK JKR, mendapati **isu yang dibangkitkan masih merupakan teguran berulang.**

55. Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2015 Siri 1 telah dibentangkan di Parlimen pada 18 Mei 2016. Dalam pembentangan tersebut, tujuh **(7) projek JKR telah di audit oleh Jabatan Audit Negara di mana tiga (3) projek JKR adalah berbentuk *punitive* yang melibatkan lima (5) teguran. Antara teguran *punitive* tersebut adalah seperti berikut:**

- i.** Perlantikan kontraktor yang sama kali ke-2;
- ii.** Penyiapan projek mengambil masa yang lama melebihi 10 tahun dan mengakibatkan kerugian yang dianggarkan berjumlah RM21.03 juta;
- iii.** Perakuan Siap Kerja (*CPC*) dikeluarkan sedangkan bangunan tidak berfungsi sepenuhnya;

- iv. LAD tidak dikenakan dalam tempoh penyerahan; dan
- v. Pertukaran kaedah perolehan menyebabkan kerugian kepada kerajaan.

Manakala empat (4) projek lagi adalah berbentuk *corrective* yang melibatkan 27 teguran, iaitu menjurus kepada penambahbaikan sistem dan prosedur dalaman. Sesi *Townhall* Media bersama Ketua Setiausaha Negara Mengenai Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) Tahun 2015 Siri 1 telah diadakan pada hari ini (24 Mei 2016) yang berlangsung pada jam 8:30pagi sehingga 10:30 pagi.

56. Justeru itu, bagi mengatasi kelemahan-kelemahan ini, kita semua hendaklah menyediakan perkhidmatan dengan pantas dan cepat serta menepati keperluan pelanggan (CTI-Cepat-Tepat-Berintegriti). Tanggungjawab yang diamanahkan perlu dilaksanakan dengan **lebih cekap, kreatif dan inovatif, seterusnya menyumbang kepada peningkatan nilai dan impak terhadap penyampaian projek (*project delivery*) jabatan.**

Hadirin yang dihormati sekalian,

INTEGRITI DAN TADBIR URUS

57. Apabila menyebut tentang Perkhidmatan Awam, tidak dapat dinafikan kita perlu berdepan dengan realiti semasa, di mana teras perkhidmatan awam adalah untuk **menyampaikan perkhidmatan yang mempunyai nilai tambah (*value adding*) kepada rakyat.**

Dalam usaha menterjemahkan perkhidmatan dan produk berkualiti kepada rakyat, kita harus bersikap dan bersifat positif serta memiliki *moral values* yang tinggi yakni; berintegriti.

58. Integriti perlu dilihat, difahami dan dihayati dalam **konteks yang lebih holistik**. Konsep integriti meluas bermaksud mencakupi kepada nilai-nilai amanah, dipercayai, jujur, taat, telus dan memiliki sifat-sifat keperibadian yang jitu dan utuh selain daripada menjauhkan diri dari amalan-amalan rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa.

59. Integriti juga boleh ditakrifkan, sentiasa **menghargai serta memelihara kepentingan organisasi dan hak orang awam**. Sebagai pejawat awam, kepentingan organisasi, perkhidmatan serta negara hendaklah mengatasi kepentingan diri sendiri. Meminjam kata-kata Warren Buffet, tokoh pelaburan tersohor dunia, *“in looking for people to hire, you look for three qualities: integrity, intelligence and energy. And if they don’t have the first, the other two will kill you”*.

60. Selaras dengan Akta Undang-Undang Malaysia, Akta 711, Whistleblower Protection Act 2010, jabatan telah menyediakan Polisi Whistleblowing JKR. Polisi Whistleblowing JKR merupakan salah satu elemen yang **menerangkan proses pelaksanaan penerimaan aduan, penyiasatan, penyediaan laporan dan tindakan** yang akan diambil ke atas mana-mana warga JKR yang terlibat.

61. Justeru, saya mohon kerjasama daripada semua pihak, agar memberi peringatan kepada diri sendiri dan kepada semua kakitangan di pejabat masing – masing, agar sentiasa melaksanakan setiap tugas yang diberikan, dengan penuh amanah dan berintegriti.

Setiap kerja yang dilaksanakan perlu **mematuhi prosedur, tatacara dan pekeliling yang telah digariskan.**

Warga JKR yang saya kasihi sekalian,

PENGHARGAAN KEPADA WARGA JKR

62. Di kesempatan ini juga, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi **TAHNIAH** kerana kita dan KKR, masing-masing telah memperoleh **Pengiktirafan Agensi Sektor Awam (SSR) bertaraf 5 bintang** bagi tahun 2015-2016, oleh Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU), Jabatan Perdana Menteri.

63. Sesungguhnya, pengiktirafan ini membuktikan bahawa KKR dan JKR sekarang **berada di landasan yang betul dengan kepimpinan yang dinamik dan berwibawa.** Kejayaan ini juga turut didokong oleh warga kerja JKR dalam membawa kejayaan yang lebih besar, dan kembali menjadi jabatan kesayangan rakyat.

64. Dalam masa yang sama, saya ingin mengucapkan tahniah kepada warga JKR yang telah menyertai *27th International Invention, Innovation & Technology Exhibition (ITEX 2016)* di KLCC pada awal Mei lalu. **Kesemua penyertaan jabatan telah berjaya memperoleh pingat,** dengan 5 pingat emas, 3 perak dan 1 gangsa. Ini jelas menunjukkan bahawa JKR mempunyai kakitangan yang kreatif dan inovatif, yang apabila fokus kepada sesuatu projek, akan dapat **mengatasi orang lain walaupun di peringkat antarabangsa.**

65. Untuk makluman, setakat ini sebahagian daripada produk-produk inovasi jabatan sedang dalam proses pendaftaran paten. 28 daripada produk paten sedang dalam status *upon grant of paten* dan 4 produk dalam status *disclosure of invention*. Saya juga merasa bangga kerana 2 produk jabatan telah dikomersilkan, iaitu *Civil Engineering Progress Payment* yang dicipta oleh Cawangan Kontrak dan Ukur Bahan. Dan satu produk lagi ialah, *Median Night Reflector* ciptaan JKR Daerah Kerian, Perak. Atas pengkomersilan itu, kerajaan mendapat pulangan melalui bayaran *licensing fee* masing-masing berjumlah RM19,000 dan RM10,000. Oleh yang demikian, dengan segala pencapaian ini, **kita tidak lagi patut merasa rendah diri untuk ke hadapan**, malah patut merebut segala peluang yang ada untuk terus maju demi agama, bangsa dan negara.

Hadirin warga JKR yang saya hormati sekalian,

WORK – LIFE INTEGRATION/ PENUTUP

66. Kini, kita hidup dalam keadaan di mana, persekitaran kerja dan kehidupan peribadi sentiasa berhubung, dengan adanya komunikasi langsung melalui telefon, emel, *whatsapp* dan media sosial. Era di mana tuan-tuan dan puan-puan **boleh pulang ke rumah dan melupakan hal kerja di pejabat sudah berlalu**. Tetapi harus diingat, sebanyak mana atau sebeban mana tanggungjawab kerja tuan-tuan, pengurusan masa amat penting agar wujudnya **keseimbangan dalam bekerja dan kehidupan peribadi**. *Work is just a part of life. When there is a right balance between both of them*, saya yakin produktiviti kerja akan meningkat, mendatangkan keterujaan (*passion*) dalam menjalankan tugas dan menerbitkan aura positif dalam diri.

67. Jadi, saya berharap tuan-tuan dan puan-puan sebagai warga JKR, ***do appreciate your priceless time and not overstressed*** dengan kerja sehingga mengabaikan kualiti kehidupan bersama keluarga. Dalam melaksanakan tanggungjawab kerja yang diberi, kewajipan untuk **menjaga amanah keluarga yang dikurniakan** oleh Allah Taala tidak patut diabaikan. Walaupun kita dibayar gaji untuk melaksanakan tugas, **kesihatan diri turut wajib dititikberatkan**. Bak mutiara kata; sihat sebelum sakit, muda sebelum tua, kaya sebelum miskin, lapang sebelum sempit dan hidup sebelum mati. *Please enjoy your work.*

68. Kejayaan agenda transformasi kerajaan, dan jabatan secara khususnya, **pasti menuntut komitmen terbaik daripada semua warga JKR**, dalam mencapai hasrat untuk muncul sebagai penyedia perkhidmatan bertaraf dunia dan pusat kecemerlangan di dalam pengurusan aset, pengurusan projek dan perkhidmatan kejuruteraan demi pembangunan infrastruktur negara.

69. Oleh itu, besarlah harapan saya untuk melihat JKR yang saya sayangi ini, dapat **mengembalikan zaman kegemilangan sepertimana yang pernah dikecapi suatu masa dahulu**. Marilah kita bersama-sama meraih kembali keyakinan dan kepercayaan rakyat terhadap kredibiliti dan keupayaan teknikal jabatan dalam merentasi arus pembangunan yang makin mencabar ini.

“We have served more than 140 years with unrelenting passion. Let us together keep moving forward confidently for our beloved country.”

Sekian, saya akhiri dengan

Salam Ramadhan Al-Mubarak kepada semua umat Islam,

wabillahi taufiq walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.